



SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

30 MEI 2018

PERMULAAN MONSUN BARAT DAYA

Monsun Barat Daya dijangka bermula pada 1 Jun 2018 dan akan berterusan sehingga September 2018. Sepanjang tempoh ini, angin akan bertiup secara konsisten dari arah barat daya menjadikan keadaan atmosfera lebih stabil dengan komposisi kelembapan udara yang rendah.

Sehubungan itu, keadaan cuaca yang kurang hujan dan panas dijangka berlaku di Semenanjung dan Sarawak, iaitu bilangan hari tanpa hujan akan melebihi hari hujan kecuali di Sabah yang akan menerima jumlah hujan yang lebih tinggi berbanding negeri lain. Walau bagaimanapun taburan hujan di kebanyakan negeri dijangka normal dalam tempoh ini.

Maklumat dan ramalan cuaca terkini boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Meteorologi Malaysia iaitu www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca dan RakanMET (rakanmet.met.gov.my), facebook: [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet), twitter: [@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet), SMS 15888 atau MMD Hotline di talian 1 300 22 1MET (1638).

**Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**